

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Mesin Dan Jentera. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Insurans Mesin Dan Jentera

1. Apakah produk ini ?

Polisi ini akan memberi pampasan jika mesin, peralatan, perabot, kelengkapan tetap dan aksesori anda yang disimpan dan/atau digunakan di dalam premis anda mengalami kerugian atau kerosakan yang tidak disengajakan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan ?

Polisi ini memberi perlindungan atas kerugian atau kerosakan barang-barang yang diinsuranskan akibat dari sebarang kejadian yang tidak disangka secara tiba-tiba dan tidak disengajakan seperti kebakaran dan/atau kilat, kerosakan hentaman, kecurian dll selain daripada yang tidak termasuk dalam polisi yang telah di khususkan.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jenis perniagaan dan pembinaan premis anda, nilai diinsuranskan, umur barang yang diinsuranskan dan syarat pengunderaitan kami.

4. Berapakah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar ?

Sebagai tambahan kepada premium, anda kena bayar:

Jumlah

- a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan, jika ada
 b. Duti Setem

6% daripada premium
 RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara insurans, jika ada, berjumlah 25% daripada premium.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui ?

- **Kepentingan pendedahan** : Anda mesti mendedahkan semua fakta-fakta yang mana anda ketahui atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan pada borang anda seperti insurans, pengalaman kerugian, sebarang pertukaran kegunaan bangunan anda, dll.

Anda mesti memastikan yang boring cadangan siap dengan tepat kerana ia merupakan asas kepada kontrak insurans anda.

- **Jumlah untuk diinsuranskan** : Anda harus memastikan yang harta anda adalah diinsuranskan pada jumlah yang sepatutnya.

- **Dasar penilaian** : Anda boleh memilih untuk menginsuranskan harta anda berdasarkan nilai pasaran atau nilai pengembalian semula.

a) Nilai Pasaran – Pihak kami akan membayar kos pembaikan keatas harta yang rosak setelah ditolak jumlah susut nilai.

- b) Dasar Nilai Pengembalian Semula** – Pihak kami akan membayar kos sepenuhnya untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak susut nilai dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi bagi menampung jumlah pengembalian semula harta tersebut.

- **Kesan Dari Ketidacukupan Nilai Diinsuranskan** : Jika nilai yang diinsuranskan dalam polisi adalah kurang daripada nilai sebenarnya semasa waktu kerugian iaitu insurans terkurang, anda harus menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata ini akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.

- **Lebihan** : Ini adalah jumlah yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami menggantikan kerugian anda.

- **Warranti Premium** : Premium mesti di bayar dan di terima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Mesin Dan Jentera. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini ?

Polisi ini tidak melindungi :-

- Lanjutan dari kerugian
- Penukaran oleh penyewa atau lessee dan kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh
- Kerugian disebabkan rampasan atau penahanan oleh pihak berkuasa
- Kerugian susut nilai, haus dan lusuh
- Kegelinciran mekanikal, kerosakan, kegagalan atau kecacatan
- Kemusnahan atau kecacatan berkenaan dengan elektrik
- Kerosakan atau kerugian disebabkan oleh terlebih bebanan atau ketegangan
- Perang, perang saudara
- Sebarang tindakan keganasan

Nota : Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada contoh kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan pengecualian dibawah polisi ini.

7. Bolehkan saya batalkan polisi ini ?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perihal saya ?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Apakah yang harus saya lakukan jika berlaku kemalangan ?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan menyertai butir-butir penuh dengan secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prejudis atas tuntutan anda.

10. Apakah yang harus saya lakukan apabila membuat tuntutan ?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen-dokumen pada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang dilantik oleh kami bagi menilai tuntutan anda.

11. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kecurian ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Bhd
(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)
8th Floor, Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2034 9888
Fax: 03-2694 5758

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Mesin Dan Jentera. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

12. Lain-lain perlindungan insurans serupa yang di sediakan ?

- Insurans Kebakaran
- Insurans Kecurian

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECEUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAH-FAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK. ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PANGANTARAN INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2010